



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 NOVEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Sidang Dewan Rakyat

MyCC diarah kaji AP dan IP bawang, daging, kelapa

Dapatan akan dibentangkan kepada MTEN sebelum akhir tahun

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) diarah menjalankan kajian terhadap permit diluluskan (AP) dan permit import (IP) membabitkan pengimportan bawang, daging dan kelapa ke negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata kajian dilaksanakan atas arahan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) itu dijangka dapat dibentangkan sebelum akhir tahun ini.

"Pada masa ini, MyCC giat menjalankan sesi litar urus bersama agensi kerajaan dan pemain industri berkaitan, dengan dapatan kajian akan dibentangkan kepada MTEN sebelum akhir tahun ini," katanya pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2025 peringkat dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Armizan berkata, pindaan membabitkan dua akta, iaitu Akta Persaingan 2010 dan Akta

Suruhanjaya Persaingan 2010 dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi akan datang mewujudkan kelulusan Jemaah Menteri.

Beliau berkata, pindaan akta itu penting bagi memperkasaan perundangan persaingan dan bagi mengenalkan rejim kawalan penggabungan bagi memastikan MyCC dapat membanterais pembentukan kartel atau mengawal selia pembentukan monopoli dalam pasaran.

Penggubalan Lemon Law

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, keputusan dasar pada peringkat KPDN akan dilaksanakan masa terdekat berkaitan penggubalan undang-undang Lemon Law sebelum ia diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Lemon Law ialah undang-undang menyediakan hak tebus rugi kepada pembeli kenderaan bermotor dan barang pengguna lain untuk mendapatkan remedii terhadap produk berulang kali rosak, selain gagal menuhi standard kualiti serta prestasi.

Beliau berkata, keputusan dasar itu akan menutamadkan sama ada wujudnya keperluan untuk menggubal akta baharu iaitu Lemon Law atau menambah baik kerangka perundangan sedia ada.

"KPDN menjalankan kajian perundangan berkaitan Lemon Law bermula Jun hingga bulan ini dan masa terdekat kita akan



Armizan pada Sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

membuat keputusan dasar pada peringkat kementerian," kata-

nya. Walaupun kajian berkaitan Lemon Law masih berlangsung, beliau berkata, KPDN sudah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan dua strategik interim iaitu menubuhkan pasukan rundingan khas berkaitan aduan kenderaan bermotor di KPDN.

Katanya, melalui penubuhan pasukan ini, ia menjadi pemudah cara yang akan menemukan pembeli dan pengedar bagi menyelesaikan sebarang isu berbangkit.

"Sejak Jun hingga September lalu, 16 aduan diterima dan disiasat pasukan ini," katanya.

Beliau berkata, kaedah kedua

ialah pengukuhan proses Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM) melalui kerjasama strategik dengan Bank Negara Malaysia (BNM), antaranya membabitkan isu definisi Akta Sewa Beli 1967.

Berhubung menu Rahmah, Armizan berkata, kerajaan akan membuat pemprofilan kawasan bersesuaian untuk ditawarkan kemudahan menu itu oleh peniaga, berbanding ia dibuat secara meluas di seluruh negara.

Beliau berkata, kerajaan akan mengusahakan untuk menawarkan Menu Rahmah oleh peniaga di tempat tertentu sahaja, contohnya di kawasan yang diduduki pekerja kilang dan golongan B40 serta di perumahan kos rendah.

Tumpat: Kementerian Perdagangan Dalam Nege ri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan melantik 133 pemborong dan peruncit sebagai langkah memastikan bekalan makanan asas mencukupi ketika banjir.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, pada masa sama 15 stesen minyak turut dilantik bermula bulan ini sehingga Mac tahun hadapan.

Katanya, kesemua mereka yang dilantik itu akan diberikan kuota tambahan sebanyak 30 peratus membabitkan 21 barang keperluan asas termasuk

133 peruncit, pemborong dilantik

gandum, beras, gula dan sebagainya berbanding kuota asal.

“Begitu juga untuk 15 stesen minyak, mereka juga diberi tambahan 30 peratus kuota sepanjang lima bulan ini.

“Daripada jumlah 133 lantikan itu, ia membabitkan 67 peruncit dan 66 adalah pemborong. Kebanyakan premis yang kita pilih ini berada di kawasan bebas banjir.

“Tujuan lantikan pemborong dan peruncit ini dilakukan supaya penduduk di negeri ini tidak terputus bekalan makanan sekiranya berlaku banjir,” katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan di premis pemborong di sini, semalam.

Beliau berkata, pemegang lesen pemborong dan peruncit yang dilantik itu akan memastikan barang kawalan serta keperluan

atas lain yang dijual di premis berkenaan sentiasa mencukupi dan dijual dengan harga yang ditetapkan kerajaan.

“Pada masa sama, mereka yang dilantik itu juga akan mengadakan Program Jualan Rahmah di premis berkenaan sekiranya berlakunya banjir di daerah masing-masing,” kata nya.

Dalam perkembangan lain, Azman berkata, pi haknya merampas pelbagai barang kawalan membabitkan nilai lebih RM4.9 juta menerusi 452 tindakan kes dalam tempoh Januari sehingga kelmarin.



AZMAN (kanan) melawat premis pemberong dan peruncit yang dilantik untuk memastikan barang kawan serta keperluan asas dijual sentiasa mencukupi dengan harga ditetapkan. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

PENYELUDUPAN BARANG BERSUBSIDI

‘Ada yang bersubahat’

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@NSTP.com.my

Tumpat

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kelantan tidak menolak kemungkinan pengilang dan pemberong turut bersubahat sehingga menyumbang kepada kegiatan penyeludupan barang bersubsidi secara berterusan.

Bagaimanapun Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, setiap rampasan dilakukan sama ada membabitkan minyak masak atau barang lain, pihaknya akan menjalankan siasatan bagi mengesahkan punca bekalan itu diperoleh.

“Nak kata subahat kemungkinan itu ada kerana ketamakan orang berbeza-beza. Kalau jual biasa harga hanya RM2.50, namun kalau jual di sana (Thailand) RM4.50.

“Mungkin juga mereka (pemberong) cuba nak cari keuntungan lebih. Bagaimanapun kita akan sentiasa membuat pemantauan terhadap 18 syarikat pembungkusan minyak masak di Kelantan,” katanya.

Beliau berkata demikian

“Dalam banyak-banyak keperluan asas, minyak masak paling banyak untuk diseludup ke Thailand disebabkan permintaan begitu tinggi berbanding barang lain”

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail

pada sidang media selepas melawat premis pemberong di Pasir Pekan di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya mengakui isu penyeludupan barang asas ke Thailand sentiasa berlaku terutama membabitkan minyak masak kerana permintaan di negara terbabit begitu tinggi selain harga yang lebih murah.

“Dalam banyak-banyak keperluan asas, minyak masak paling banyak untuk diseludup ke Thailand

disebabkan permintaan begitu tinggi berbanding barang lain.

“Disebabkan itu, KPDN sentiasa menjalankan risikan dan bekerjasama dengan Pasukan Gerakan Am (PGA) bagi mengekang aktiviti penyeludupan ini,” katanya.

Kelmanin, media melapor, PGA mematahkan cubaan menyeludup 13,000 kilogram (kg) gula dan 5,100 peket minyak masak dalam kejadian berasingan menerusi Op Taring Wawasan di Wakaf Bharu di sini.

Dalam operasi itu, PGA turut menahan tiga lelaki berusia antara 24 hingga 56 tahun yang dipercaya menjadi penghantar untuk menyeludup barang kawan terbabit.

Boikot kedai makan jual harga mahal

Johor Bahru: Pengguna diminta bertindak bijak selain memilih restoran serta premis makanan yang masih meletakkan harga munasabah untuk menjamu selera dan membeli makanan.

Pengerusi Persatuan Penggerak Pengguna Johor Md Salleh Sadija, berkata, gerakan boikot di gerakkan pengguna baru-baru ini juga boleh dilakukan terhadap restoran yang menaikkan harga se wenang-wenangnya.

Beliau tidak menafikan berlaku kenaikan harga bahan mentah kebelakangan ini, namun ia bukan alasan bagi menaikkan harga makanan dijual, hampir setiap tahun.

"Pengusaha restoran termasuk mamak sebelum ini dilaporkan sudah menaikkan harga makanan awal tahun ini atas alasan kos operasi terutama bahan mentah naik.

"Namun semalam (kelmarin) mereka dilaporkan mahu menaikkan lagi harga makanan susulan pelaksanaan gaji minimum RM1,700 Februari depan. Bagi kami ia alasan tidak munasabah berikutan mereka baharu menaikkan harga dan ini membebankan lagi pengguna.

"Pengguna dinasihatkan menggunakan kuasa dan hak mereka dengan beralih kepada restoran dan premis makanan yang masih mengekalkan harga mun-

sabah atau memboikot restoran yang menawarkan harga makanan mahal.

"Kos sara hidup di bandaraya Johor Bahru sangat tinggi kerana rakyat tempatan perlu bersaing dengan kuasa pengguna tinggi rakyat Singapura dan pekerja Malaysia yang bekerja di republik itu. Akhirnya rakyat tempatan menjadi mangsa kos sara hidup terlalu tinggi," katanya semalam.

Kelmarin, kira-kira 300 pengusaha restoran India Muslim atau mamak di negeri ini dijangka me naikkan harga makanan bermula lima peratus, mulai tahun hadapan.

Setiausaha Persatuan Usahawan India Muslim

Negeri Johor, Hussien Ibrahim berkata, kenaikan itu susulan peningkatan kos operasi disebabkan ke naikan berterusan harga bahan mentah selain pelaksanaan gaji minimum RM1,700 Februari depan.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Johor, Lee Ting Han, berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sar a Hidup (KPDN) akan mengadakan perbincangan dengan Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) berhubung isu kenaikan harga makanan dalam masa terdekat.

Kegiatan seludup rancak kerana terima permintaan tinggi, untung berganda

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
TUMPAT

Status halal di Malaysia yang lebih dipercayai menjadi punca utama minyak masak peket dari negara ini diseludup masuk ke Selatan Thailand yang majoriti rakyatnya beragama Islam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, kerana itu ia mendapat permintaan tinggi serta menghasilkan keuntungan berganda dan menyebabkan aktiviti tersebut rancak.

"Harga di sini ialah RM2.50 sepeket, manakala di negara jiran mencecah sehingga RM5 hingga RM6 sepeket.

"Sudah tentu ini boleh mengaburi mata mereka yang tamak sehingga sanggup melakukan aktiviti menyeludup," katanya ketika sidang akbar di sini pada Selasa.

Sebelum itu beliau mengadakan lawatan ke pemberong sempena pengurusan bencana bagi kesiapsiagaan bekalan barang keperluan di Wakaf Bharu di sini.

Menurut beliau, dalam usaha

Status halal punca minyak peket laku di Thailand

membendung penyelewengan barang kawalan itu, agensi yang bertugas di sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini seperti Pasukan Gerakan Am, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan telah melakukan yang terbaik.

Ujarnya, ia dibuktikan menerusi kejayaan rampasan pelbagai barang kawalan yang cuba diseludup ke Thailand.

Azman bagaimanapun berkata, semua pihak berkuasa sentiasa bekerjasama untuk memberantas kegiatan penyecludupan di sempadan.

"Jarak sempadan melibatkan Sungai Golok dari Tumpat ke Jeli hampir 100 kilometer dan sedia maklum ia bukan rizab sungai tetapi tanah milik persendirian.

"Setakat ini setiap kali serbuan dan tangkaparan dibuat hanya melibatkan individu berkaitan pengangkutan.

"Dari situ kita akan siasat dan kesan siapa pemberong atau dalang dengan memeriksa invois dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, bagi persediaan meng-



Azman (kiri)
mengadakan lawatan
ke pemberong barang
di Wakaf Bharu, Tumpat
pada Selasa.

hadapi musim tengkujuh, Azman berkata, pihaknya melantik 133 pemberong dan peruncit di negeri ini untuk menyimpan barang kawalan melebihi kuota ditetapkan.

Menurutnya, mereka dibenarkan untuk

menambah dan menyimpan barang kawalan berjadual sebanyak 30 peratus bermula November hingga Mac depan.

"Antara 21 barang kawalan itu termasuk beras, minyak masak, gula, susu, gandum dan beberapa barang lain," katanya.

Fuziah: Transportation costs should not impact cost of living

THE Domestic Trade and Cost of Living Ministry has denied that the rising cost of living is due to higher transportation costs following the government's diesel subsidy targeting measures.

Deputy Minister Fuziah Salleh said transportation costs had been absorbed through various government initiatives, particularly the Budi Madani programme.

"When we implemented the targeted subsidy, we factored in transportation costs. They should not increase as we have the Budi Madani programme for individuals, Budi Madani Agrikomoditi and the fleet card."

"Transportation costs due to the targeted subsidy have already been absorbed. Therefore, it cannot be said that the increase in transportation costs is a direct result," she said in response to a question from Shaharizukirnain

Abd Kadir (PN-Setiu) yesterday.

On his question on the ministry's new model to measure the cost of living, Fuziah said the indicator would consider not only income but also spending patterns, location and specific needs, such as caring for children with disabilities or elderly or single parents.

"When developed, the results will be used to calculate the Adequate Living Expenses (PAK) as announced by the prime minister on Nov 2."

"PAKW no longer uses the poverty line, but takes into account other factors."

Fuziah said the government was working to align income data with the PAKW requirements, as well as minimise the gap between income and cost of living, or ideally, ensure that income exceeds the cost of basic needs.

Amendments to Competition Act 2010 to curb cartels imminent — Armizan

KUALA LUMPUR: Amendments to the Competition Act 2010 to prevent cartel activities in the market are expected to be tabled at the next Dewan Rakyat meeting, says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the Malaysia Competition Commission (MyCC) was also actively strengthening legislation through proposed amendments to the Competition Commission Act 2010 to enhance its investigative and enforcement powers.

"In addition, (the amendment of the Act) also introduces a merger control regime to ensure

that MyCC can combat the formation of cartels or regulate the formation of monopolies in the market, which refers to the abuse of monopoly dominant power.

"Insya-Allah, the amendment to this Act is targeted to be tabled in the next Dewan Rakyat meeting once the Cabinet makes a decision," he said.

The minister said this in his winding-up speech yesterday at the policy stage of the Supply Bill 2025 for the Domestic Trade Cost of Living Ministry (KPDN) in the Dewan Rakyat.

> Turn to Page 2, Col 1

KPDN to make a policy decision soon on implementation of 'Lemon Law'

>From Page 1

Meanwhile, Armizan said KPDN was expected to make a policy decision soon on the proposed implementation of the 'Lemon Law,' which would protect consumers in vehicle purchase matters.

On the Rahmah Menu, he said the ministry was committed to continuing the programme in certain locations, such as industrial areas and low-cost

housing.

He said KPDN also planned to give traders who consistently offered the Rahmah Menu access to purchase goods in larger quantities under the Madani Rahmah Sales Programme (PJRM).

"We hope that with the PJRM approach, we will involve Menu Rahmah dealers. This programme may not be expanded nationwide but it still exists as an alternative for the needy," he said. — Bernama

Pindaan Akta Persaingan dijangka dibentang pada sesi Parlimen akan datang

KUALA LUMPUR: Pindaan terhadap Akta Persaingan 2010 sebagai usaha mencegah aktiviti kartel dalam pasaran dijangka dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat akan datang, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga sedang giat memperkasakan perundungan menerusi cadangan pindaan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi memperkuuh kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

“Selain itu, (pindaan akta) juga memperkenalkan rejim kawalan penggabungan bagi memastikan MyCC dapat membanteras pembentukan kartel atau mengawal seilia pembentukan monopoli dalam pasaran yang merujuk kepada penyalahgunaan kuasa dominan monopoli.

“Insya-Allah, pindaan



JAWAB: Armizan semasa Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Parlimen dekat Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama

kepada akta ini disasarkan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Dewan Rakyat akan datang sebaik mendapat keputusan Jemaah Menteri,” katanya pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 peringkat dasar bagi Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Dewan Rakyat semalam.

Sementara itu, Armizan berkata KPDN dijangka membuat keputusan dasar berkaitan cadangan pelaksanaan Lemon Law, iaitu perundungan bagi melind-

ungi pengguna dalam urusan pembelian kendaraan, dalam masa terdekat.

Mengenai Menu Rahmah, beliau berkata KPDN komited supaya program itu diteruskan di lokasi-lokasi tertentu seperti kawasan industri dan perumahan kos rendah.

Armizan berkata KPDN bercadang memberikan akses kepada peniaga yang menawarkan Menu Rahmah secara konsisten untuk membuat pembelian barang pada kuantiti yang lebih banyak di bawah Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM).

“Kita mengharapkan dengan pendekatan melalui PJRM ini, kita melibatkan peniaga Menu Rahmah maka program ini walaupun mungkin tidak diperluas di seluruh negara, tetapi ia masih wujud sebagai alternatif kepada golongan memerlukan,” katanya. — Bernama

Premis seleweng bekalan barang kawalan diserbu

Premis di Jalan Kampung Stungkor, Lundu diserbu KPDN Sarawak selepas terima aduan daripada orang ramai

Oleh Jeremy Lanson

KUCHING: Sebuah premis di Jalan Kampung Stungkor, Lundu diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeridan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Sarawak kerana disyaki menyelenggarakan penyelenggaraan barang kawalan semalam.

“Semasa pemeriksaan dijalankan pegawai penguat kuasa mendapati barang kawalan berada di dalam premis yang terlibat melibatkan barang kawalan dengan anggaran sebanyak 9,864 kilogram (kg) gula pasir kasar dan 2,078kg minyak masak.”

Matthew Dominic Barin
Pengaruh KPDN Sarawak

Pengaruh KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin berkata serbuan telah dilakukan pegawai penguat kuasa daripada Seksyen Pengurusan Siasatan selepas menerima aduan daripada orang ramai.

Menurutnya, hasil

pemeriksaan ke atas premis telah menemui gula pasir dan minyak masak dianggarkan keseluruhan bermula RM33,307.

“Semasa pemeriksaan dijalankan pegawai penguat kuasa mendapati barang kawalan berada di dalam premis yang terlibat melibatkan barang kawalan dengan



SELEWENG: Rampasan barang dari premis tersebut di Kampung Stungkor, Lundu. — Gambar oleh KPDN

Tambahnya, pasukan serbuan turut menahan seorang warga tempatan bagi tujuan siasatan lanjut.

Siasatan akan dijalankan di bawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana disyaki memindahkan atau menyimpan atau menyebabkan atau membentarkan apa-apa barang kawalan dipindahkan dari mana-mana premis yang dilesenkan atau disimpan selain dari premis yang dilesenkan atau

premis yang dibenarkan oleh pengawal.

“Untuk makluman, KPDN Sarawak telah melaksanakan Zoning Pengedaran Barang Kawalan melibatkan minyak masak berkutu kuasa 1 November 2024.

“Program zoning minyak masak di Sarawak dilaksanakan bagi memastikan rantaian pengedaran minyak masak yang melibatkan tiga pembungkus utama minyak masak berdasarkan sitaan barang kawalan di atas.

“Sekiranya didapati ber salah, sekiranya orang itu ialah satu pertubuhan perbadanan, maka dia didenda tidak melebihi satu juta ringgit bagi kesalahan pertama atau

pembungkus, pemborong dan peruncit yang berlesen di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.

Sehubungan itu, siasatan lanjut akan dijalankan ke atas rantaian pengedaran minyak masak yang melibatkan tiga pembungkus utama minyak masak berdasarkan sitaan barang kawalan di atas.

denda tidak melebihi dua juta ringgit bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi lima juta ringgit bagi kesalahan kedua.

“Jika orang itu bukan satu pertubuhan perbadanan, maka dia didenda tidak melebihi satu juta ringgit bagi kesalahan pertama atau penjara tidak melebihi tempoh selama lima tahun atau kedua-duanya,” tegasnya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan bersubsidi boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak Kementerian melalui WhatsApp 019-848800, e-aduan.kpdn.gov.my, call centre 1-800-886-80 dan aplikasi telefon pintar EZ ADU KPDN.

anggaran sebanyak 9,864 kilogram (kg) gula pasir kasar dan 2,078kg minyak masak.

“Nilai sitaan dianggarkan berjumlah RM33,307,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

防壟斷競爭法修正案將提呈

(吉隆坡12日讯)国内贸易及生活成本部长拿督阿米占指出，旨在防止市场上垄断集团(kartel)活动的2010年竞争法令修正案，预计在即临的国会下议院会议提呈。


他说，大马竞争委员会(MyCC)也通过修正该法案的建议积极加强立法，以强化调查和执法的权力。

“此外，(修正案)也推出合并管控制度，以确保MyCC得以遏制垄断集团的形成，或管控市场上垄断的形成，涉及滥用支配权。

“上苍保佑，一旦获得内阁通过，该修正案将在即临的下议院会议提呈。”

他今日在国会下议院2025年财政预算案政策阶段的辩论做部门总结时，这么说。

另外，阿米占说，内贸部预计在近日内，针对拟议推行“柠檬法”(Lemon Law)以在购买车辆事务保护消费者方



■阿米占

面，做出政策决定。

提到关爱菜单，阿米占说，内贸部承诺该计划在特定地点，如工业区和廉价住宅区继续推行。

他指出，内贸部打算允许推出关爱菜单的商家，在昌明关爱销售计划(PJRM)下大量购买商品。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Segerakan reformasi industri padi dan beras

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Sudah tiba masanya reformasi dalam industri padi dan beras negara dilaksanakan selepas laporan berkaitan kartel dalam industri itu sejak sekian lama diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lama lagi.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, sebelum ini banyak pihak yang berkaitan dalam industri itu seolah-olah me-jamkan mata terhadap ke-pincangan yang berlaku hingga kartel bermaharajalela.

Katanya, ketika golongan pesawah terbeban dengan pe-ningkatan kos yang membawa kesan besar terhadap pendapat dan motivasi mereka, ini merupakan masa yang tepat untuk membela kembali nasib petani dengan menghapuskan gejala kartel.

Katanya, pesawah tidak sa-bar menunggu laporan ber-kaitan kartel padi dan beras yang akan diumumkan Per-dana Menteri.

"Langkah kerajaan melaku-kan reformasi ini termasuk

“Kita bukan mahu menyebelahi mana-mana pihak tetapi perkara ini wajar dilakukan...”

berusaha membersihkan Per-tubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) wajar dipuji. Tindakan ini sepatutnya sudah diambil lama dulu tetapi tiada pihak yang benar-benar serius me-ngusahakannya.

"Kita bukan mahu menyebelahi mana-mana pihak tetapi perkara ini wajar dilakukan oleh sesiapa pun yang berkuasa dan menjadi kerajaan. Ini lang-kah yang ditunggu-tunggu sejak sekian lama dan jika bukan sekarang, sampai bila agaknya kita mahu melihat golongan petani terus ditindas," kata-nya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, laporan kajian berkenaan kar-tel padi dan beras akan di-

mumkan oleh Perdana Menteri dalam masa terdekat.

Menurut Fuziah, beliau su-dah meneliti laporan disiapkan Suruhanjaya Persaingan Ma-laysia (MyCC), namun tidak boleh mendedahkan intipatin-ya kerana enggan mendahului Perdana Menteri.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, golongan yang terlibat dalam industri per-tanian negara sedar bahawa peperangan melawan kartel bukan sesuatu yang mudah kerana ia sudah berleluasa sejak sekian lama.

"Maka kita berharap agar usaha memerangi mereka ini tidak terhenti separuh jalan. Lakukan secara bersungguh-sungguh dan sentiasa lipat gandakan usaha untuk mem-banteras mereka bagi membela nasib petani."

"Diakui memang banyak cabaran untuk menentang kar-tel kerana mereka bukan hanya menguasai industri, malah turut menguasai kerajaan. Di-sebabkan itu, kami berharap usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak agar industri padi dan beras negara dapat terus maju serta menda-tangkan lebih banyak kebaikan kepada petani," katanya.

Merger control bill to be tabled next parliamentary session, says domestic trade minister

BY CHOY NYEN YIAU
theedgemalaysia.com

KUALA LUMPUR (Nov 12): A proposed amendment to the Competition Act 2010 to incorporate merger controls is expected to be tabled at the next parliamentary session, said Minister of Domestic Trade and Living Costs Datuk Armizan Mohd Ali.

The amendment seeks to empower the Malaysia Competition Commission (MyCC) to regulate merger and acquisition (M&A) activities to combat cartel practices and monopolies in the market, Armizan noted.

Malaysia is currently the only country in Southeast Asia whose competition commission lacks the authority to regulate M&A activities.

“We aim to table the amendment bill in the upcoming parliamentary session, once

the Cabinet gives its approval,” Armizan told the Dewan Rakyat during the ministry’s winding-up speech for the 2025 Supply Bill.

Meanwhile, Armizan said MyCC is investigating the issuance of approved permits (APs) and import permits (IPs) for food imports, including onions, meat, and coconuts.

The investigation is being conducted under instructions from the National Economic Action Council (MTEN), he said. “MyCC is actively engaging with government agencies and industry players, and the findings are expected to be presented to MTEN before the end of this year.”

Enforcement to combat profiteering

The Domestic Trade and Living Costs Ministry will be launching enforcement operations to monitor the prices of goods and services to counter profiteering amid the implementation of minimum wages and subsidy rationalisation efforts, said Armizan.

“The operation will be similar to ‘Ops Kesan’, which the ministry launched after the diesel subsidy rationalisation earlier this year. The ministry will announce the mechanism for determining unreasonably high profits in due course,” he said.

He warned that the ministry would take strict action against traders who violate the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UMUM

Harga dua peringkat kaedah terbaik penyasaran subsidi RON95

Pelaksanaan tak sebabkan kenaikan mendadak harga barang, bantukekang inflasi

Laporan Suzalina Halid dan Mahani Ishak
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengakui kaedah penetapan harga dua peringkat sebagai pilihan terbaik kerajaan dalam melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95.

Kaedah itu yang secara prinsip dipersetujui kerajaan untuk dilaksanakan pada pertengahan 2025, katanya, bukan sahaja boleh diperbaiki dari semasa ke semasa dari segi operasi, malah paling penting pelaksanaannya kelak tidak menyebabkan kenaikan harga barang mendadak, selain membantu mengekang inflasi.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tidak ada satu kaedah benar-benar sempurna dalam melaksanakan penyasaran subsidi untuk RON95, memandangkan sebarang kaedah dilaksanakan kelak akan menyebabkan sedikit risiko dan masalah seperti dari segi operasi, penipuan dan kos.

Bagaimanapun, katanya, keutamaan kerajaan dalam pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 adalah untuk mengawal harga barang dan mengekang inflasi melalui kaedah ditetapkan kelak.

"Walaupun kita maklum perlaksanaannya kelak akan ada risiko, ini boleh diperbaiki dari semasa ke semasa, berbanding (kaedah yang akan menyebabkan) inflasi naik mendadak dan untuk menurunkan harga barang, ini akan lebih membebankan," katanya ketika sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Suhaizan Kaiat (PH-Pulai) mengenai mekanisme penggunaan kad pengenalan untuk pengesahan kelayakan penerimaan subsidi RON95 yang terdedah masalah kerosakan cip kad pe-



Rafizi pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.
(Foto BERNAMA)

ngeneralan, capaian internet perlahan luar bandar penipuan kelayakan, tambahan kos sistem pengesahan dan melambatkan proses pembelian minyak.

Kaedah boleh diperbaiki

Dalam pada itu, Rafizi menegaskan kaedah harga dua peringkat di stesen minyak yang kini dipertimbangkan kerajaan boleh dilaksanakan kerana operasinya mampu diperbaiki dari semasa ke semasa.

"Rata-rata ahli ekonomi menyatakan bahawa bayaran tunai adalah lebih baik kerana tidak membabitkan operasi di stesen minyak, namun kerajaan melihat risiko kenaikan harga barang.

"Kita sedia maklum apabila naik sahaja harga minyak, ia akan menyebabkan kenaikan inflasi.

"Atas pertimbangan itu, walaupun kita sedia maklum pelaksanaan harga dua peringkat ada risikonya di stesen minyak, ia sesuatu yang boleh diperbaiki berbanding contohnya ia (kaedah lain) dilaksanakan, namun menyebabkan inflasi naik mendadak kerana untuk menurunkan harga barang itu lebih susah," katanya.



RAFIZI ketika menjawab soalan di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam.

Tiada kaedah sempurna berkaitan subsidi minyak

KUALA LUMPUR — Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, tidak ada satu kaedah yang sempurna berhubung pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api termasuk RON95.

Katanya, mana-mana kaedah akan melibatkan sedikit risiko dari segi masalah operasi, penipuan dan kos tetapi kerajaan meletakkan keutamaan mengawal harga barang dan menekan inflasi mengatasi segala-galanya.

"Atas pertimbangan itu, walaupun sedia maklum bahawa pelaksanaan melalui kaedah harga berperingkat ini ada risiko pelaksanaan di stesen minyak, ini adalah sesuatu yang boleh diperbaiki dari semasa ke semasa."

"Berbanding contohnya, kalau dilaksanakan dan menyebabkan inflasi naik mendadak, untuk membalki itu dan menurunkan harga barang sebenarnya lebih susah dan itu akan membebankan rakyat pada masa akan datang," katanya.

ya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Suhaizan Kaiat (**PH-Pulai**) mengenai mekanisme penggunaan kad pengenalan yang terdedah kepada masalah kerosakan cip kad pengenalan, capai internet perlahan di luar bandar, penipuan kelayakan, tambahan kos sistem pengesahan dan melambatkan proses pembelian minyak.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, meskipun rata-rata menyatakan bayaran tunai adalah lebih baik kerana tidak melibatkan operasi di stesen minyak namun kerajaan melihat risiko kenaikan harga barang.

"Kita sedia maklum, apabila naik sahaja harga minyak, ia akan menyebabkan kenaikan inflasi walaupun tidak terkesan kepada peniaga tertentu, itu akan jadi alasan."

"Jadi, keutamaan kerajaan ialah mengawal inflasi berbanding dengan kaedah-kaedah lain," katanya.

PILOT PROJECT UNDERTAKEN

'2-TIER PRICING SYSTEM BEST FOR TARGETED FUEL SUBSIDY'

Rafizi refutes claim that govt adopts 'announce first, research later' mode

IYLIA MARYA ISKANDAR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ECONOMY Minister Rafizi Ramli has denied claims that the government adopts an "announce first, research later" approach to the mechanism for the targeted RON95 fuel subsidy.

Rafizi told the Dewan Rakyat a pilot project was implemented between 2022 and last year using MyKad and e-wallets at selected petrol stations using a two-tier

pricing system.

"This system has been tested. For eligibility verification on the backend, Padu (Central Database Hub) has been operational and applied in several cases," he said.

"The actual criticism of 'announcing without research' should go to the opposition."


"When the mid-term review was presented in this house in September last year, the government clearly stated that subsidy restructuring is central to our economic reforms and fiscal strengthening measures."

"However, we are taking a phased approach, beginning with diesel and then RON95 — unless opposition members of parliament haven't read the mid-term review that was presented."

"The idea that we announced first and researched later is irrelevant."



Economy Minister Rafizi Ramli says subsidy restructuring is central to the government's economic reforms. BERNAMA PIC



multiple agencies and ministries.

Rafizi said there was no other country that had an extensive fuel subsidy system as Malaysia.

"In Asia, only Brunei has similarly widespread subsidies for everyone. Nearly every country has shifted to market pricing, so if there was a reference, it would be us, as no other country is in Malaysia's situation."

"Almost all countries opt for cash transfers — floating the price and providing a monthly cash rebate. However, that method risks raising the cost of goods, which is why the government has chosen the current approach," he said.

Rafizi said the government was proceeding with a two-tier pricing system for RON95 fuel as it was best suited to not raise the inflation rate.

He said the government acknowledged that there was no perfect approach to implementing a mechanism for targeting fuel subsidy.

However, the priority was to avoid inflation and rising prices, which had led them to settle on the two-tier pricing system.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 NOVEMBER 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Nov	Kos pengangkutan dah diserap, tak seharusnya naik - Puziah	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322875/kos-pengangkutan-dah-diserap-tak-seharusnya-naik-puziah	BERITA HARIAN
13-Nov	Pemborong disaran guna eCOSS elak ketirisan minyak masak subsidi	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/pemborong-disaran-guna-ecoss-elak-ketirisan-minyak-masak-subsidi/	UTUSAN MALAYSIA
13-Nov	Status halal Malaysia lebih dipercayai punca minyak masak peket diseludup ke Thailand	https://www.sinarharian.com.my/article/696139/berita/semasa/status-halal-malaysia-lebih-dipercayai-punca-minyak-masak-peket-diseludup-ke-thailand	SINAR HARIAN
13-Nov	Pengusaha minyak didenda RM27,000 jual diesel ke tangki lori ubah suai	https://thesun.my/cerita/berita/pengusaha-minyak-didenda-rm27000-jual-diesel-ke-tangki-lori-ubah-suai-LH13275086	THE SUN
13-Nov	PENGUSAHA MINYAK DIDENDA RM27,000 JUAL DIESEL KE TANGKI LORI UBAH SUAI	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2362270	BERNAMA
13-Nov	133 pemborong dan peruncit dilantik, pastikan bekalan makanan cukup ketika banjir	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154193/133-pemborong-dan-peruncit-dilantik-pastikan-bekalan-makanan-cukup-ketika	HARIAN METRO
13-Nov	Tengkujuh: KPDN Kelantan lantik 133 pemborong, peruncit pastikan bekalan cukup	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/tengkujuh-kpdn-kelantan-lantik-133-pemborong-peruncit-pastikan-bekalan-cukup/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
13-Nov	133 peruncit dilantik bekali keperluan semasa tengkujuh di Kelantan	https://www.kosmo.com.my/2024/11/12/133-peruncit-dilantik-bekali-keperluan-semasa-tengkujuh-di-kelantan/	KOSMO
13-Nov	Tidak mustahil pengilang, pemborong bersubahat seludup barang bersubsidi	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154209/tidak-mustahil-pengilang-pemborong-bersubahat-seludup-barang-bersubsidi	HARIAN METRO

13-Nov	Tidak mustahil pengilang, pemborong bersubahat seludup barang bersubsidi	https://themalaytribune.com/tidak-mustahil-pengilang-pemborong-bersubahat-seludup-barang-bersubsidi/	THE MALAY TRIBUNE
13-Nov	'Makan di kedai mamak tawar harga munasabah, boikot premis naikkan harga sewenang-wenangnya'	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322928/makan-di-kedai-mamak-tawar-harga-munasabah-boikot-premis-naikkan	BERITA HARIAN
13-Nov	Isu restoran naikkan harga makanan, pengguna boleh boikot	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1154174/isu-restoran-naikkan-harga-makanan-pengguna-boleh-boikot	HARIAN METRO
13-Nov	MyIPO perkenal cagaran harta intelek bagi pembiayaan perniagaan	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/myipo-perkenal-cagaran-harta-intelek-bagi-pembiayaan-perniagaan/	UTUSAN MALAYSIA
13-Nov	Foreign food vendor selling fried baby crabs in Melaka busted for fly-infested kitchen	https://thesun.my/malaysia-news/foreign-food-vendor-selling-fried-baby-crabs-in-melaka-busted-for-fly-infested-kitchen-HH13273307	THE SUN
13-Nov	MyCC diarah kaji AP, IP bawang, daging dan kelapa - Armizan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1323010/mycc-diarah-kaji-ap-ip-bawang-daging-dan-kelapa-armizan	BERITA HARIAN
13-Nov	MyCC diarah kaji AP, IP bawang, daging dan kelapa – Armizan	https://www.buletintv3.my/nasional/mycc-diarah-kaji-ap-ip-bawang-daging-dan-kelapa-armizan/	BULETIN TV3
13-Nov	MyCC buat kajian ke atas AP, IP barang makanan	https://malaysiagenta-zette.com/2024/11/12/mycc-buat-kajian-ke-atas-ap-ip-barang-makanan/	MALAYSIA GAZETTE
13-Nov	Amendments to Competition Act 2010 to curb cartels imminent - Armizan	https://thesun.my/malaysia-news/amendments-to-competition-act-2010-to-curb-cartels-imminent-armizan-GH13277302	THE SUN

13-Nov	KPDN rampas hampir 10 tan gula pasir, 2.07 tan minyak masak peket	https://www.sinarharian.com.my/article/696240/berita/semasa/kpdn-rampas-hampir-10-tan-gula-pasir-207-tan-minyak-masak-peket	SINAR HARIAN
13-Nov	KPDN RAMPAS HAMPIR 10 TAN GULA PASIR, 2.07 TAN MINYAK MASAK PEKET	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2362591	BERNAMA
13-Nov	KPDN Sarawak rampas barang kawalan bersubsidi lebih RM33,000	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-sarawak-rampas-barang-kawalan-bersubsidi-lebih-rm33-ribu/	BULETIN TV3
13-Nov	Premis seleweng bekalan barang kawalan diserbu	https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/12/premis-seleweng-bekalan-barang-kawalan-diserbu	UTUSAN BORNEO
13-Nov	KPDN Kelantan akui minyak masak paling banyak diseludup ke Thailand	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kelantan-akui-minyak-masak-paling-banyak-diseludup-ke-thailand-496021	ASTRO AWANI
13-Nov	Harga mahal, permintaan tinggi punca minyak masak paling banyak diseludup ke Thailand	https://www.buletintv3.my/nasional/harga-mahal-permintaan-tinggi-punca-minyak-masak-paling-banyak-diseludup-ke-thailand/	BULETIN TV3